



**HLMT-DANA BERKAITAN-PELABURAN**

Laporan Prestasi Dana

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023

## Kandungan

	<b>Pages</b>
Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	1-2
Objektif Dana	3
Ulasan Pelaburan	
Dana HLMT i-Balanced	4 - 6
Dana HLMT i-Income	7 - 9
Dana HLMT i-Equity	10 - 12
Dana HLMT Global Shariah ESG	13 - 14
Dana HLMT Makmur	15 - 16
Dana HLMT Maa'rof	17 - 18
Pasaran Ekuiti dan Pendapatan Tetap	19 - 20
Tinjauan Pelaburan	21 - 22
Maklumat Kewangan	
Penyata Aset dan Liabiliti	23 - 25
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	26 - 28
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	29 - 31
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	32 - 41
Penyata Pengurus	42
Laporan Juruaudit Bebas	43 - 46

## UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kepada Semua Pemegang Sijil yang Dihargai,

Sekali lagi, kami dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Pelaburan HLMT bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023 untuk tatapan anda. Tahun kewangan bermula dengan positif seiring dengan pembukaan semula ekonomi global berikutan sekatan-sekatan yang disebabkan oleh pandemik Covid-19. Namun, perjalanan ke arah pemulihan berhadapan dengan pelbagai cabaran daripada luar negara dan juga tempatan. Dari segi geopolitik, konflik Ukraine-Rusia dan ketegangan AS-China terus menjadi fokus menyebabkan kerajaan sedunia lebih fokus kepada perlindungan kepentingan ekonomi tempatan negara masing-masing. Pendirian ini telah menyebabkan gangguan kepada bekalan komoditi-komoditi utama yang seterusnya menyebabkan tekanan inflasi yang meningkat. Berikutan ini, Rizab Persekutuan AS telah menaikkan kadar faedah sebanyak 7 kali bagi membendung peningkatan inflasi iaitu daripada 1.50-1.75% kepada 5.00-5.25% sepanjang tahun kewangan semasa. Langkah ini telah membawakan hasil di mana kadar inflasi AS turun kepada 3.0% pada Jun 2023 berbanding 8.5% pada Julai 2022. Di kala permulaan tahun kewangan 2024, ketidakpastian masih berleluasa, dan keadaan ini hanya boleh diubah sekiranya hala tuju kadar

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, HLMT telah mencatatkan trajektori pertumbuhan perniagaan yang teguh dengan peningkatan tahunan 20% dalam sumbangan kasarnya kepada RM654 juta pada FY2023. Peningkatan dalam sumbangan kasar ini berasaskan pengembangan saluran agensi yang mantap sejak beberapa tahun lalu.

Pendekatan HLMT tertumpu terhadap mencari peluang dalam persekitaran yang mencabar dan pasaran yang lembap bagi menambahbaik dan membina portfolio kami bagi tempoh jangka panjang. Strategi ini telah memastikan prestasi yang lebih baik bagi jangka masa panjang dan menyokong komitmen kami untuk membantu anda mencapai matlamat kewangan anda.

Selain itu, HLMT juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memperkukuh kelestarian perniagaannya melalui beberapa inisiatif berkait dengan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan risiko berkait iklim. Antara lain, HLMT telah mengambil kira faktor-faktor ESG ke dalam dasar pelaburannya dan telah melancarkan dana-dana pelaburan berkait ESG yang baru.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami ke arah kejayaan pelaksanaan Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (VBiT), HLMT kini dalam proses mengubah penyampaian produk dan perkhidmatannya berdasarkan kelangsungan kematangannya yang bertujuan mengoptimalkan penglibatannya dalam membina negara yang berdaya tahan dari segi kewangan. Kami juga akan terus menyokong aspirasi Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menjadikan perlindungan takaful mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat dengan menyediakan pelbagai pilihan bagi segmen pelanggan yang berbeza, termasuk penyelesaian "keutamaan digital" dengan mengguna pakai nilai-nilai teras di bawah Rangka Kerja VBiT yang meliputi aspek-aspek Kedaya-tahanan Kewangan, Pemerksaan Komuniti, Tadbir Urus Kendiri yang Baik, Tatalaku Terbaik dan Pembangunan Keupayaan.

Akhir sekali, kami di HLMT ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kepercayaan berterusan anda yang telah memperkasakan kami untuk menjadi penyedia Takaful pilihan anda dan meraih pelbagai anugerah. Ini termasuk Anugerah Pengendali Takaful Terbaik secara berturut-turut dari tahun 2020 hingga 2022 daripada Anugerah Majalah Perniagaan Antarabangsa dan Anugerah Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Insurans Takaful bagi tahun 2022 daripada Anugerah Kecemerlangan Halal Global. Kami akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan standard kecemerlangan dan komitmen kami dalam menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi bagi memperkayakan kehidupan anda.

**Mohd Asri Omar**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Hong Leong MSIG Takaful Berhad

## **OBJEKTIF DANA**

Dana HLMT i-Balanced bertujuan untuk mencapai pendapatan tetap serta pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang melalui pelbagai portfolio pelaburan patuh Syariah yang mengandungi ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap.

Dana HLMT i-Income bermatlamat memelihara modal serta mencapai aliran pendapatan tetap melalui portfolio pelaburan yang sebahagian besarnya merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan sebahagian kecil dalam sekuriti ekuiti patuh Syariah.

Dana HLMT i-Equity bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang menerusi pelaburan patuh Syariah dalam sekuriti syarikat yang tersenarai.

Dana HLMT Global Shariah ESG bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang menerusi pelaburan di dalam portfolio syarikat-syarikat patuh Syariah yang terpelbagai global dengan tumpuan pada kriteria Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus dalam proses pelaburan. Pelaburan Dana ini akan disalurkan ke Hong Leong Global Shariah ESG Fund (Dana Sasaran).

Dana HLMT Makmur bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal yang konsisten dalam jangka masa pelaburan jangka sederhana hingga panjang dengan pelaburan yang mematuhi keperluan Syariah. Dana akan melabur dengan pegangan dalam Hong Leong Dana Makmur (Dana Sasaran).

Dana HLMT Maa'rof bertujuan untuk memberikan akses yang mudah ke atas portfolio pelaburan yang pelbagai yang mengandungi campuran ekuiti dan sukuk yang seimbang yang memenuhi keperluan Syariah. Dana akan melabur dengan pegangan dalam Hong Leong Dana Maa'rof (Dana Sasaran).

## ULASAN PELABURAN


### DANA HLMT i-BALANCED

Dalam tahun kewangan yang dikaji, dana telah mengatasi prestasi penanda aras berikutan peruntukan aset yang sesuai dengan kira-kira 33% dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah dan 62% dalam Sukuk. Peruntukan yang lebih tinggi terhadap sukuk membawakan hasil bagi dana disebabkan oleh aliran hasil sukuk yang menurun. Bagi segmen ekuiti, 3 saham utama yang mengatasi prestasi semasa tahun kewangan ialah Tenaga, Gamuda dan Timedotcom. Melangkah ke hadapan, kami akan terus mengekalkan kecenderungan kami terhadap sukuk dengan mengambil kira kebarangkalian tinggi bahawa sukuk akan kekal sebagai kelas aset yang menarik bagi para pelabur yang inginkan kestabilan dan kepelbagaian.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.25% setahun dikenakan ke atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

#### Pada 30 Jun 2023 Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



**ULASAN PELABURAN (SAMB.)**

**DANA HLMT i-BALANCED (SAMB.)**

<b>Prestasi Dana</b>					
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Jumlah NAB (RM)	10,157	9,044	8,319	16,952	16,004
Bilangan unit	7,104	6,690	5,862	12,525	12,078
NAB seunit (RM)	1.4298	1.3519	1.4190	1.3535	1.3251
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.4410	1.4850	1.4607	1.3704	1.3251
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3460	1.3517	1.3562	1.2092	1.2494
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	5.76%	-4.73%	4.84%	2.14%	5.82%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	5.76%	-4.73%	4.84%	2.14%	5.82%
- 3 tahun	1.84%	0.67%	4.24%	-1.26%	1.14%
- 5 tahun	2.69%	-0.78%	2.06%	1.49%	1.65%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% GIA)					
- 1 tahun	0.96%	-5.59%	1.39%	0.96%	1.77%
- 3 tahun	-1.13%	-1.13%	1.38%	0.42%	1.55%
- 5 tahun	-0.14%	-0.62%	1.41%	1.36%	0.49%

**Nota 2**

<b>Prestasi Dana</b>					
<b>Nota tambahan</b>	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	5.43%	-4.28%	4.81%	2.10%	2.95%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	5.43%	-4.28%	4.81%	2.10%	2.95%
- 3 tahun	1.89%	0.80%	3.28%	1.40%	3.61%
- 5 tahun	2.14%	0.90%	3.55%	2.70%	2.63%

**Nota:**

*Pelarasan yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa termasuk tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.*

**ULASAN PELABURAN (SAMB.)**

**DANA HLMT i-BALANCED (SAMB.)**

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2023	2022	2021	2020	2019
Deposit dengan Institusi Kewangan Islam	5.29	24.36	17.02	8.89	29.89
Sekuriti Ekuiti Islam Disebutharga di Malaysia	32.81	32.62	41.00	43.80	34.79
Bon Islam Tidak Disebutharga	61.90	43.02	41.98	47.31	35.32
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

Komposisi ekuiti mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2023	2022	2021	2020	2019
Pembinaan	5.30	5.82	4.67	4.87	4.70
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	6.55	12.00	10.81	12.41	10.99
Tenaga	2.66	2.19	5.54	3.62	8.38
Perkhidmatan Kewangan	3.36	4.78	2.51	3.40	5.52
Penjagaan Kesihatan	6.35	9.04	12.30	12.18	9.12
Barangan Industri & Perkhidmatan	20.57	16.01	17.16	20.61	15.19
Pertanian	4.07	3.28	3.00	4.19	1.95
Hartanah	2.18	2.59	2.86	3.43	5.08
REITS	6.36	4.45	4.18	6.05	8.59
Teknologi	21.10	19.73	17.75	7.97	1.62
Telekomunikasi & Media	9.80	10.57	10.88	10.79	14.23
Pengangkutan & Logistik	-	1.75	1.51	1.08	3.14
Utiliti	11.70	7.79	6.83	9.40	11.49
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2023	2022	2021	2020	2019
Pembinaan	-	-	-	27.67	43.89
Kewangan	60.51	65.11	66.85	72.33	56.11
Agensi Kerajaan	10.52	15.68	-	-	-
Utiliti	20.69	19.21	33.15	-	-
Perkhidmatan Telekomunikasi	8.28	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>



**ULASAN PELABURAN (SAMB.)**


**DANA HLMT i-INCOME**

Semasa tahun kewangan dalam kajian, sejumlah kira-kira 97% dana telah dilaburkan di mana 78% adalah dalam sukuk dan 22% dalam aset berisiko rendah. Pulangan tahun kewangan dana tersebut mengatasi prestasi penanda aras disebabkan oleh hasil sukuk yang semakin menurun. Bagi segmen jangka masa panjang, pulangan 3 tahun & pulangan 5 tahun dana juga mengatasi prestasi penanda aras.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.00% setahun dikenakan ke atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

**Pada 30 Jun 2023  
 Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan**



## ULASAN PELABURAN (SAMB.)

### DANA HLMT i-INCOME (SAMB.)

<b>Prestasi Dana</b>					
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Jumlah NAB (RM)	8,915	7,099	5,753	4,593	3,842
Bilangan unit	5,115	4,394	3,508	2,810	2,479
NAB seunit (RM)	1.7428	1.6154	1.6400	1.6347	1.5499
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.7430	1.6582	1.6688	1.6466	1.5499
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.6231	1.5877	1.6138	1.5433	1.4091
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	7.90%	-1.50%	0.32%	5.47%	10.62%
Purata pulangan tahunan - Dana - 1 tahun	7.90%	-1.50%	0.32%	5.47%	10.62%
- 3 tahun	2.16%	1.39%	5.45%	2.69%	2.30%
- 5 tahun	4.46%	1.36%	2.56%	3.46%	3.51%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (20% FBM ESI + 80% GIA)					
- 1 tahun	1.82%	-1.15%	1.52%	1.94%	2.59%
- 3 tahun	0.72%	0.76%	2.03%	1.90%	2.41%
- 5 tahun	1.34%	1.21%	2.15%	2.32%	2.04%

#### Nota 2

<b>Prestasi Dana</b>					
<b>Nota tambahan</b>	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	7.43%	-1.02%	0.25%	5.99%	7.37%
Purata pulangan tahunan - Dana - 1 tahun	7.43%	-1.02%	0.25%	5.99%	7.37%
- 3 tahun	2.15%	1.69%	4.49%	5.47%	4.68%
- 5 tahun	3.94%	3.08%	4.04%	4.79%	4.60%

#### Nota:

Pelarasan yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa kemasukan tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.

**ULASAN PELABURAN (SAMB.)**

**DANA HLMT i-INCOME (SAMB.)**

<b>Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Deposit dengan Institusi Kewangan Islam	2.89	9.39	-	-	-
Bon Islam tidak disebutbarga	97.11	90.61	100.00	100.00	100.00
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

<b>Komposisi bon Islam tidak disebutbarga mengikut sektor</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Pembinaan	8.11	-	-	-	-
Kewangan	35.05	35.27	39.81	40.38	38.62
Kerajaan	11.72	14.88	20.38	13.69	16.46
Agensi Kerajaan	10.31	13.08	10.68	13.68	16.53
Barangan Industri	-	4.82	-	-	-
Infrastruktur	-	-	14.66	17.75	22.22
Pertanian	2.92	3.76	-	-	-
Telekomunikasi	1.21	-	-	4.86	6.17
Utiliti	30.68	28.18	14.47	9.64	-
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## ULASAN PELABURAN (SAMB.)


### DANA HLMT i-EQUITY

Pada akhir tahun kewangan dalam kajian, sejumlah 73% daripada dana telah dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah. Sepanjang tahun kewangan, tunai dana yang tinggi telah digunakan bagi mengatasi kelemahan pasaran. Tiga (3) saham utama yang mengatasi prestasi semasa tahun kewangan ialah Tenaga, Gamuda dan Timedotcom. Melangkah ke hadapan, kami akan terus mengekalkan dagangan mengikut paras pelaburan kerana kami meramalkan bahawa pasaran akan kekal tidak menentu dan hanya akan berubah sekiranya terdapat perubahan dalam dasar monetari Fed dan pertumbuhan ekonomi bertambah kukuh.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% setahun dikenakan ke atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

### Pada 30 Jun 2023 Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



**ULASAN PELABURAN (SAMB.)**

**DANA HLMT i-EQUITY (SAMB.)**

<b>Prestasi Dana</b>					
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Jumlah NAB (RM)	31,986	28,445	24,907	28,930	27,895
Bilangan unit	25,903	23,941	19,319	24,420	23,260
NAB seunit (RM)	1.2348	1.1881	1.2893	1.1847	1.1993
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2852	1.4143	1.3867	1.2183	1.1993
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.1729	1.1881	1.1924	0.9675	1.1090
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	3.93%	-7.85%	8.83%	-1.22%	2.96%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	3.93%	-7.85%	8.83%	-1.22%	2.96%
- 3 tahun	1.39%	-0.31%	4.20%	-0.66%	2.25%
- 5 tahun	1.17%	-0.34%	2.71%	0.61%	0.50%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (80% FBM ESI + 20% GIA)					
- 1 tahun	-0.02%	-10.21%	1.26%	-0.13%	-1.43%
- 3 tahun	-3.13%	-3.13%	0.73%	-1.12%	-0.15%
- 5 tahun	-1.71%	-2.49%	0.67%	0.33%	-1.46%

**Nota 2**

<b>Prestasi Dana</b>					
<b>Nota tambahan</b>	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	3.11%	-7.06%	8.76%	-1.02%	2.96%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	3.11%	-7.06%	8.76%	-1.02%	2.96%
- 3 tahun	1.39%	0.01%	3.49%	-1.22%	2.25%
- 5 tahun	1.21%	-0.52%	2.85%	0.96%	0.50%

**Nota:**

*Pelarasan yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa termasuk tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.*

**ULASAN PELABURAN (SAMB.)**

**DANA HLMT i-EQUITY (SAMB.)**

<b>Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Deposit dengan Institusi Kewangan Islam	27.48	30.49	13.31	13.82	29.59
Sekuriti Ekuiti Islam disebuttharga di Malaysia	72.52	69.51	86.69	86.18	70.41
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

<b>Komposisi ekuiti mengikut sektor</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Pembinaan	4.99	5.77	4.78	4.85	5.64
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	8.74	12.06	10.90	11.26	9.12
Tenaga	3.34	2.16	5.40	3.61	8.23
Perkhidmatan Kewangan	3.02	4.61	2.38	3.36	6.18
Penjagaan Kesihatan	6.24	9.25	12.47	12.42	9.04
Barangan Industri & Perkhidmatan	18.81	15.87	17.49	20.99	14.42
Pertanian	3.88	3.17	2.99	3.98	2.16
Hartanah	2.14	2.66	2.95	3.59	4.95
REITS	5.93	4.92	4.53	6.22	7.90
Teknologi	21.01	19.42	16.85	8.18	2.75
Telekomunikasi & Media	10.28	10.68	11.02	11.05	13.99
Pengangkutan & Logistik	-	1.70	1.70	1.11	4.55
Utiliti	11.62	7.73	6.54	9.38	11.07
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

**ULASAN PELABURAN (SAMB.)**

**DANA HLMT GLOBAL SHARIAH ESG**


Dana itu telah dilancarkan pada 16 Januari 2023 dan disalurkan ke dalam dana amanah saham Dana Hong Leong Global Shariah ESG ("HLGSESGF"). Bagi tempoh kewangan yang dikaji, Dana telah mencatatkan pulangan sebanyak -0.17% berbanding penanda aras pulangan Indeks Syariah Global S&P 1200 sebanyak 24.26%. Perlu diingat bahawa HLGSESGF telah dilancarkan pada Januari 2023 dan hanya mula melabur dalam ekuiti pada akhir Mei 2023.

Secara keseluruhan, sentimen pasaran ekuiti global agak terbahagi dalam tempoh yang dikaji, di mana secara umumnya ekonomi negara maju menunjukkan prestasi tinggi dan ekonomi negara membangun berprestasi negatif. Dasar monetari yang lebih ketat merupakan berita utama secara global, ini disebabkan oleh ancaman inflasi yang tinggi dan kemungkinan kelembapan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, pasaran ekonomi negara membangun memberikan gambaran yang optimis walaupun laporan media menyatakan sebaliknya, terbukti oleh pulangan saham pada tahun ini. Di kala Rizab Persekutuan A.S. menghentikan kenaikan kadarnya pada bulan Mei, pasaran menjangkakan dua lagi kenaikan kadar menjelang akhir tahun, yang pertama pada bulan Julai. Pada masa ini penilaian pasaran kelihatan tirus dan kami menjangkakan ketidaktentuan dalam pasaran A.S. dan kemungkinan bahawa para pelabur akan beralih kembali kepada pasaran negara-negara membangun dalam jangka masa terdekat dan pertengahan.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% setahun dikenakan ke atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tidak ada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan pengehadan dana selama tahun kewangan. Tidak ada pengagihan telah dibuat dan dicadangkan semasa tempoh tahun kewangan.

**Pada 30 Jun 2023  
Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan**



**ULASAN PELABURAN (SAMB.)**

**DANA HLMT GLOBAL SHARIAH ESG (SAMB.)**

<b>Prestasi Dana</b>					
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Jumlah NAB (RM)	62	N/A	N/A	N/A	N/A
Bilangan unit	62	N/A	N/A	N/A	N/A
NAB seunit (RM)	0.9983	N/A	N/A	N/A	N/A
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.0065	N/A	N/A	N/A	N/A
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	0.9858	N/A	N/A	N/A	N/A
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	-0.17%	N/A	N/A	N/A	N/A
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	-0.17%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 3 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
- 5 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (S&P Global 1200 ESH Shariah)					
- 1 tahun	24.26%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 3 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
- 5 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A

<b>Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Tunai dan setara tunai	3.64	N/A	N/A	N/A	N/A
Unit amanah tidak disebut harga	96.36	N/A	N/A	N/A	N/A
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>N/A</b>	<b>N/A</b>	<b>N/A</b>	<b>N/A</b>



## ULASAN PELABURAN (SAMB.)

### DANA HLMT MAKMUR


Dana dilancarkan pada 13 April 2021 dan mempunyai pegangan dalam dana unit amanah Hong Leong Dana Makmur ("HLDM"). Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana mencatatkan pulangan sebanyak 7.34% berbanding dengan pulangan penanda aras sebanyak -0.85%. Pulangan dana pendasar, iaitu HLDM adalah 8.16% bagi tempoh di bawah semakan.

Dalam segmen ekuiti patuh Syariah HLDM, saham-saham yang menyumbang secara positif sepanjang tahun kewangan termasuk Focus Point, LGMS dan Cnergenz. Secara keseluruhan, sentimen pasaran ekuiti global agak terbahagi dalam tempoh yang dikaji, di mana secara umumnya ekonomi negara maju menunjukkan prestasi tinggi dan ekonomi negara membangun berprestasi negatif. Dasar monetari yang lebih ketat merupakan berita utama secara global, ini disebabkan oleh ancaman inflasi yang tinggi dan kemungkinan kelembapan pertumbuhan ekonomi. Walaupun keputusan korporat domestik suku tahun pertama 2023 (1Q23) sedikit mengecewakan berikutan margin yang lebih rendah disebabkan kos input buruh dan bahan yang lebih tinggi, kami percaya bahawa prestasi separuh kedua 2023 (2H23) adalah lebih baik. Kami menjangkakan keputusan korporat dan prestasi pasaran yang lebih baik pada 2H23, didorong oleh penurunan kadar inflasi dan susana politik domestik yang mutlak selepas pilihan raya negeri pada bulan Julai.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% setahun dikenakan ke atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tidak ada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan pengehadan dana selama tahun kewangan. Tidak ada pengagihan telah dibuat dan dicadangkan semasa tempoh tahun kewangan.

### Pada 30 Jun 2023 Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



**ULASAN PELABURAN (SAMB.)**

**DANA HLMT MAKMUR (SAMB.)**

<b>Prestasi Dana</b>					
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Jumlah NAB (RM)	5,951	2,456	125	N/A	N/A
Bilangan unit	6,282	2,783	129	N/A	N/A
NAB seunit (RM)	0.9473	0.8825	0.9649	N/A	N/A
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.0716	1.1468	1.0040	N/A	N/A
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	0.8197	0.8589	0.9429	N/A	N/A
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	7.34%	-8.54%	-3.51%	N/A	N/A
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	7.34%	-8.54%	-3.51%	N/A	N/A
- 3 tahun	-1.79%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 5 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
Purata pulangan tahunan					
- Penanda aras (100% FBM ESI)					
- 1 tahun	-0.85%	-13.75%	-5.21%	N/A	N/A
- 3 tahun	-6.76%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 5 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A

<b>Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Tunai dan setara tunai	0.54	5.39	6.81	N/A	N/A
Unit amanah tidak disebut harga	99.46	94.61	93.19	N/A	N/A
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>N/A</b>	<b>N/A</b>	<b>N/A</b>

## ULASAN PELABURAN (SAMB.)

### DANA HLMT MAA'ROF


Dana dilancarkan pada 13 April 2021 dan mempunyai pegangan dalam dana unit amanah Hong Leong Dana Maa'rof ("HLDM2"). Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana mencatatkan pulangan sebanyak 6.11% berbanding dengan pulangan penanda aras sebanyak -0.95%. Pulangan dana pendasar, iaitu HLDM adalah 6.42% bagi tempoh di bawah semakan.

Dalam segmen ekuiti patuh Syariah HLDM, saham-saham yang menyumbang secara positif sepanjang tahun kewangan termasuk Focus Point, LGMS dan Cnergen. Secara keseluruhan, sentimen pasaran ekuiti global agak terbahagi dalam tempoh yang dikaji, di mana secara umumnya ekonomi negara maju menunjukkan prestasi tinggi dan ekonomi negara membangun berprestasi negatif. Dasar monetari yang lebih ketat merupakan berita utama secara global, ini disebabkan oleh ancaman inflasi yang tinggi dan kemungkinan kelembapan pertumbuhan ekonomi. Walaupun keputusan korporat domestik suku tahun pertama 2023 (1Q23) sedikit mengecewakan berikutan margin yang lebih rendah disebabkan kos input buruh dan bahan yang lebih tinggi, kami percaya bahawa prestasi separuh kedua 2023 (2H23) adalah lebih baik. Kami menjangkakan keputusan korporat dan prestasi pasaran yang lebih baik pada 2H23, didorong oleh penurunan kadar inflasi dan susana politik domestik yang mutlak selepas pilihan raya negeri pada bulan Julai. Bagi segmen pendapatan tetap/bon, OPR kembali ke tahap pra-covid pada 3%. Kami tidak menjangkakan sebarang kenaikan kadar faedah dalam negara di masa depan terdekat. Namun, kami tidak menolak kemungkinan 25 mata asas pada 2H23 jika kadar inflasi teras terus kekal.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% setahun dikenakan ke atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tidak ada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan pengehadan dana selama tahun kewangan. Tidak ada pengagihan telah dibuat dan dicadangkan semasa tempoh tahun kewangan.

### Pada 30 Jun 2023 Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



**ULASAN PELABURAN (SAMB.)**

**DANA HLMT MAA'ROF (SAMB.)**


<b>Prestasi Dana</b>					
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Jumlah NAB (RM)	1,221	562	3	N/A	N/A
Bilangan unit	1,265	617	3	N/A	N/A
NAB seunit (RM)	0.9659	0.9103	1.0000	N/A	N/A
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.0293	1.0582	1.0000	N/A	N/A
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	0.8853	0.9062	1.0000	N/A	N/A
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	6.11%	-8.97%	-	N/A	N/A
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	6.11%	-8.97%	-	N/A	N/A
- 3 tahun	-1.15%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 5 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (60% FBM ESI + 40% KLIB3M)					
- 1 tahun	0.95%	-7.22%	-2.96%	N/A	N/A
- 3 tahun	-3.13%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 5 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A

<b>Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>	<b>2020</b>	<b>2019</b>
Tunai dan setara tunai	0.71	2.62	100.00	N/A	N/A
Unit amanah tidak disebut harga	99.29	97.38	-	N/A	N/A
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>N/A</b>	<b>N/A</b>

## ULASAN PELABURAN (SAMB.)

### Pasaran Ekuiti

**Indeks FTSE Malaysia Emas Shariah (1 Julai 2022 – 30 Jun 2023)**



Source: CLSA Ltd

Malaysia tidak dikecualikan daripada kemeruapan inflasi pada tahun kewangan 2023, yang telah memuncak kepada 4.7% tahun ke tahun (yoy) pada Ogos 2022. Bank Negara Malaysia telah bertindak pantas dengan menaikkan kadar faedahnya sebanyak empat kali kepada 3.0% pada Mei 2023. Kemudiannya, kadar inflasi telah menurun kepada paras yang lebih terkawal iaitu 2.4% yoy pada Jun 2023. Seiring dengan faktor-faktor seperti faktor ekonomi global dan tempatan, politik dan geopolitik, tidak hairanlah Ringgit Malaysia (MYR) mengalami ketidakpastian. Pada permulaan tahun kewangan kadar pertukaran USD kepada MYR adalah 4.41 pada 1 Julai 2022, turun kepada 4.75 pada 4 Nov 2022, dan kemudiannya naik semula kepada 4.24 pada 30 Jan 2023, dan seterusnya mengakhiri tahun pada 4.67 pada 30 Jun 2023.

Pada masa yang sama, Malaysia telah mengadakan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) pada 19 Nov 2022. Berikutan pindaan kepada perlembagaan di mana umur kelayakan pengundi telah diturunkan kepada 18 daripada 21, julung kali pengundi-pengundi berumur 18-20 telah keluar mengundi. PRU15 telah mencatatkan sejarah di mana buat pertama kali di Malaysia, pilihan raya telah menghasilkan parlimen tergantung. Namun setelah memperolehi sokongan daripada parti-parti lain seperti Barisan Nasional dan Gabungan Parti Sarawak, Anwar Ibrahim selaku pengerusi parti Pakatan Harapan telah dilantik sebagai Perdana Menteri ke-10 dan seterusnya satu 'kerajaan perpaduan' telah ditubuhkan.

Berikutnya pada bulan Februari 2023, bajet 2023 Malaysia telah dibentangkan semula dengan sedikit pindaan kepada versi awal, mengakibatkan reaksi pasaran yang tidak lantang. Walau bagaimanapun, pasca pembukaan semula secara penuh telah membawakan keyakinan secara umum dalam ekonomi. Pembukaan semula juga telah mendorong industri pelancongan manakala kenaikan kadar faedah meningkatkan segelintir harga saham perbankan melebihi paras pra-Covid. Kekangan pengeluaran minyak secara lanjutan oleh OPEC+ telah mengukuhkan harga minyak, di mana Petronas telah meningkatkan tahap aktiviti yang seterusnya telah memanfaatkan syarikat-syarikat perkhidmatan minyak di Malaysia. Ketegangan AS-China secara lanjut telah menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia, terutamanya dalam sektor teknologi. Dari segi segmen ekuiti asing, FY2023 lebih memihak kepada aliran keluar disebabkan terutamanya oleh gabungan faktor-faktor seperti perbezaan kadar faedah, kelemahan MYR dan suasana politik tempatan.

## ULASAN PELABURAN (SAMB.)

### Pasaran Ekuiti (Samb.)

Indeks Syariah menurun sebanyak -0.85% dalam tempoh kajian dan mengakhiri tahun pada 10,414.87 mata.

### Pendapatan Tetap

Sepanjang tahun kewangan dalam kajian, pasaran sukuk secara global mengalami kemaruhan disebabkan oleh tindak balas bank-bank pusat terhadap kadar inflasi yang berlanjutan tinggi dan reaksi pasaran terhadap penunjuk ekonomi utama. Di Amerika Syarikat (AS), peningkatan mendadak dalam Indeks Harga Pengguna (CPI) telah mendorong Rizab Persekutuan (Fed) menaikkan kadar faedah sebanyak tujuh kali mencapai 350 mata asas dalam tahun kajian. Akibatnya, hasil melonjak dan hasil Perbendaharaan AS (UST) 2 tahun telah julung kali menjangkau 5.0% (8 Mac 2023: 5.07%) dalam 15 tahun.

Walau bagaimanapun, sentimen pasaran mengalami perubahan dramatik menjelang akhir suku tahun ketiga FY2023 berikutan kebimbangan para pelabur tentang potensi risiko penularan daripada kegagalan Silicon Valley Bank ("SVB") dan ketidakpastian berkaitan kadar dasar Fed. Ini menyebabkan kejatuhan singkat dalam hasil UST 2 tahun namun kejatuhan ini tidak kekal lama, dan seterusnya hasil meningkat secara mendadak berikutan kenyataan-kenyataan yang menggalakkan yang dikeluarkan oleh wakil-wakil dari Fed, yang menimbulkan jangkaan pengetatan yang lebih lanjut. Akibatnya, keluk hasil menyongsang di mana lebaran hasil UST 2Y-10Y memuncak pada 106 mata asas menjelang akhir Jun 2023. Dari segi sejarah, penyongsangan keluk hasil sering dilihat sebagai tanda kemungkinan resesi akan menjelang.

Pada peringkat tempatan, pergerakan sukuk kerajaan Malaysia secara umumnya seiring dengan UST, namun terdapat perbezaan pada separuh kedua tahun kewangan apabila Bank Negara Malaysia (BNM) memutuskan untuk menghentikan kitaran kenaikan kadarnya. Sepanjang masa ini, Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) mengalami peningkatan merentasi pelbagai pemegang yang mengakibatkan keluk hasil mendatar. Prestasi ini disokong oleh prestasi ekonomi Malaysia pasca pandemik yang mantap dan catatan inflasi yang agak rendah menyebabkan BNM mengguna-pakai pendekatan yang lebih berwaspada berkaitan kitaran pengetatannya. Secara keseluruhan, BNM telah menaikkan kadar faedahnya sejumlah empat kali, mencapai 100 mata asas, di mana menjelang akhir FY2023, Kadar Dasar Semalaman (OPR) tercatat pada 3%.

Sepanjang tempoh ini, peristiwa-peristiwa politik seperti Pilihan Raya Umum ke-15 pada November 2022 turut mempengaruhi pergerakan hasil sukuk tempatan. Pada mulanya, hasil meningkat disebabkan ketidakpastian politik, namun kemudiannya ianya menurun apabila keadaan politik bertambah stabil. Tambahan, keputusan BNM untuk menghentikan kenaikan kadar pada awal tahun 2023, digabungkan dengan peristiwa-peristiwa penghindaran risiko yang berpunca daripada kebimbangan penularan krisis di kalangan bank AS dan Eropah telah menyumbang kepada trajektori penurunan hasil. Di samping itu, kemasukan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) pegangan panjang yang spesifik ke dalam Indeks Bon Global JP Morgan dan pengesahan semula penarafan kredit kedaulatan Malaysia dengan tinjauan yang stabil oleh S&P Global Ratings telah mendorong pembelian tambahan dan dagang imbang semula indeks, telah menyebabkan keluk hasil terus mendatar.

Menjelang akhir tahun kewangan, hasil sukuk tempatan menurun merentasi pelbagai jenis pemegang. Terutamanya, GII 3-, 5-, 10-, dan 30 tahun mengakhiri tahun masing-masing pada 3.466%, 3.695%, 3.891% dan 4.291%, menggambarkan penurunan berbanding tempoh sebelumnya.

## TINJAUAN PELABURAN

### Ekuiti

Bagi baki sepanjang tahun 2023, pasaran akan terus memantau data ekonomi global seperti Indeks Pengurus Pembelian (PMI), kadar inflasi, pengangguran dan naratif daripada ahli-ahli FOMC untuk mencari petunjuk bagi arah dasar masa depan. Meskipun bank-bank sedunia telah melaksanakan pelbagai kenaikan, kadar pengangguran secara relatif kekal rendah, menyokong kekukuhan penggunaan, terutamanya di AS. Komunikasi daripada ahli-ahli FOMC secara lanjut mengukuhkan komitmen FOMC untuk mengekang inflasi dan selanjutnya mengetatkan lagi dasar monetari, sekiranya perlu. Dari segi geopolitik, tumpuan akan diberikan kepada hubungan AS-China serta perkembangan dalam Rusia dan Ukraine. Bagi pasaran Hong Kong & China, para pelabur akan memberi tumpuan kepada tindakan rangsangan susulan oleh kerajaan berikutan kemerosotan sektor hartanah dan data ekonomi yang lemah.

Di Malaysia, enam pilihan raya negeri telah dilaksanakan pada Ogos 2023 yang tidak membawakan sebarang perubahan dalam kawalan negeri masing-masing. Namun begitu, pakatan pembangkang mampu meraih lebih populariti di kalangan pengundi. Dengan sesudahnya pilihan raya negeri, Perdana Menteri Malaysia Anwar Ibrahim ("PM") dijangka akan melaksanakan agenda reformasi dan meneruskan inisiatif di bawah rangka kerja ekonomi 'Madani'. Dengan kestabilan politik yang lebih ketara, kami optimis bahawa aliran masuk asing akan secara beransur masuk ke Malaysia. Inisiatif-inisiatif terkini termasuk pelaksanaan fasa 1 Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dengan sasaran untuk meningkatkan kapasiti Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) terpasang kepada 40% pada 2035 dan 70% menjelang 2050. Selain itu, Malaysia bersama Singapura sedang bercadang untuk menubuhkan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ) di Iskandar Malaysia. PM juga telah mengemukakan cadangan kemudahan laluan pantas serta kadar cukai pendapatan khas 15% untuk diberikan kepada pekerja dan syarikat mahir yang layak. Fasa 2, NETR dijangka akan diumumkan pada penghujung tahun 2023. Inisiatif-inisiatif lain yang dinantikan ialah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12), Bajet 2024, dan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA).

Secara keseluruhannya, kami sedar bahawa tahun kewangan 2024 merupakan satu lagi tahun yang akan membawakan banyak cabaran disebabkan oleh pelbagai komponen. Pendirian kami kekal defensif, dengan mengutamakan pelaburan bernilai, pertumbuhan dan pelaburan yang menghasilkan dividen. Secara lanjut kami lebih cenderung terhadap sektor pemulihan/pembukaan semula terpilih (pelancongan dan berkait-pengguna), komoditi terpilih, utiliti (defensif serta hasil) dan 5G/teknologi (pengalihan perdagangan).

### Pendapatan Tetap

Pada masa ini, bank-bank pusat di seluruh dunia menggunakan pendekatan yang berbeza dalam penetapan kadar dasar mereka. Beberapa bank pusat seperti AS dan UK mengamalkan pendekatan yang lebih agresif untuk memerangi ancaman inflasi, dengan melaksanakan kenaikan kadar. Sebaliknya, beberapa bank pusat Asia menggunakan pendekatan yang lebih berwaspada dengan menilai kesan ekonomi berikutan kenaikan kadar sebelum ini.

Tekanan inflasi dijangka berterusan dari segi harga umum bagi barangan dan perkhidmatan, namun angka inflasi rasmi dijangka menurun secara beransur-ansur disebabkan oleh kesan asas yang tinggi. Para pelabur global giat memantau perkembangan perang Rusia-Ukraine secara teliti, yang boleh menjejaskan rantaian bekalan global. Perang dagang China-AS yang berterusan juga menyebabkan sentimen berwaspada di kalangan pelabur yang masih mempunyai selera risiko yang rendah. Selain itu, prestasi ekonomi China, khususnya pembangunan sektor hartanahnya, sedang diteliti oleh para pelabur global bagi mengukur trajektori pemulihan ekonomi global pasca Covid.

## **TINJAUAN PELABURAN (SAMB.)**

### **Pendapatan Tetap (Samb.)**

Memandangkan perkembangan ini, pelaburan pendapatan tetap akan kekal sebagai kelas aset pilihan utama bagi para pelabur yang inginkan kestabilan dan kepelbagaian. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat kelemahan jangka pendek harga bon disebabkan oleh kitaran pengetatan kadar global yang berterusan. Sepanjang tempoh ini, mata wang Asia, termasuk Malaysia, mungkin dipengaruhi oleh mata wang dagangan utama seperti ASD, namun prospek dijangka bertambah baik di masa depan.

Di Malaysia, hasil sukuk pada masa ini dianggap munasabah berbanding dengan kadar dasar semasa. Bagaimanapun, keputusan dasar monetari yang akan diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang tertumpu kepada inflasi dan subsidi dalam tempoh 6 hingga 12 bulan yang akan datang akan memainkan peranan penting dalam membentuk sentimen pasaran. Tambahan, perkembangan politik tempatan boleh menimbulkan ketidakpastian dan berpotensi memberi kesan terhadap ketidakpastian pasaran. Sedemikianlah, kami akan mengkaji faktor-faktor ini secara teliti apabila membuat keputusan pelaburan dalam segmen pendapatan tetap.



## MAKLUMAT KEWANGAN

### PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 30 Jun 2023

Nota	Dana HLMT i-Balanced		Dana HLMT i-Income		
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM	
<b>Aset Pelaburan:</b>					
Sekuriti ekuiti islam disebutbarga di Malaysia	4	3,331,729	2,922,554	-	-
Bon islam tidak disebutbarga	4	6,287,355	3,854,248	8,657,435	6,286,532
Keuntungan terakru		65,439	49,230	90,204	72,933
<b>Jumlah Pelaburan</b>		<b>9,684,523</b>	<b>6,826,032</b>	<b>8,747,639</b>	<b>6,359,465</b>
<b>Lain-Lain Aset:</b>					
Amoun daripada pengurus		2	-	-	-
Aset cukai tertunda		5,627	30,417	-	11,717
Pelaburan belum terima		2,576	3,431	-	-
Lain-lain belum terima		-	514	-	250
Tunai dan kesetaraan tunai		489,092	2,322,045	217,544	800,046
<b>Jumlah Lain-Lain Aset</b>		<b>497,297</b>	<b>2,356,407</b>	<b>217,544</b>	<b>812,013</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>10,181,820</b>	<b>9,182,439</b>	<b>8,965,183</b>	<b>7,171,478</b>
<b>Liabiliti</b>					
Amaun yang kena dibayar kepada pengurus		10,527	106,600	13,376	54,595
Liabiliti cukai tertunda		-	-	14,320	-
Peruntukan bagi cukai		14,720	31,454	22,700	18,042
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>25,247</b>	<b>138,054</b>	<b>50,396</b>	<b>72,637</b>
<b>Aset Bersih Hak Pemegang Sijil</b>		<b>10,156,573</b>	<b>9,044,385</b>	<b>8,914,787</b>	<b>7,098,841</b>
<b>Diwakili Oleh</b>					
Nilai unit (Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan		11,152,967	10,383,786	7,572,293	6,153,635
		(996,394)	(1,339,401)	1,342,493	945,206
		<b>10,156,573</b>	<b>9,044,385</b>	<b>8,914,786</b>	<b>7,098,841</b>
<b>Bilangan Unit Dalam Pengiraan</b>		<b>7,103,643</b>	<b>6,690,328</b>	<b>5,115,111</b>	<b>4,394,470</b>
<b>Nilai Aset Bersih Hak Pemegang Sijil per Unit</b>		<b>1.4298</b>	<b>1.3519</b>	<b>1.7428</b>	<b>1.6154</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini

**MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)**

**PENYATA ASET DAN LIABILITI (SAMB.)**

Pada 30 Jun 2023

	Nota	DANA HLMT GLOBAL SHARIAH			
		Dana HLMT i-Equity		ESG	
		2023	2022	2023	2022
		RM	RM	RM	RM
<b>Aset Pelaburan:</b>					
Sekuriti ekuiti islam disembutharga di Malaysia	4	23,197,789	19,529,228	-	-
Unquoted Unit Trust	4	-	-	59,414	-
<b>Jumlah Pelaburan</b>		<b>23,197,789</b>	<b>19,529,228</b>	<b>59,414</b>	<b>-</b>
<b>Lain-Lain Aset:</b>					
Amoun daripada pengurus		6,049	-	22	-
Aset cukai tertunda		93,478	174,414	-	-
Pelaburan belum terima		18,951	22,728	-	-
Lain-lain belum terima		-	3,067	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai		8,661,622	9,052,696	2,316	-
Peruntukan bagi cukai		47,367	-	-	-
<b>Jumlah Lain-Lain Aset</b>		<b>8,827,467</b>	<b>9,252,905</b>	<b>2,338</b>	<b>-</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>32,025,256</b>	<b>28,782,133</b>	<b>61,752</b>	<b>-</b>
<b>Liabiliti</b>					
Amaun yang kena dibayar kepada pengurus		39,252	205,815	46	-
Liabiliti cukai tertunda		-	-	9	-
Peruntukan bagi cukai		-	131,554	16	-
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>39,252</b>	<b>337,369</b>	<b>71</b>	<b>-</b>
<b>Aset Bersih Hak Pemegang Sijil</b>		<b>31,986,004</b>	<b>28,444,764</b>	<b>61,681</b>	<b>-</b>
